



TINJAUAN TERHADAP KETERLIBATAN DAN EFIKASI GURU BESAR DALAM PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH

Sazali Yusoff, Ph.D.

*Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Kementerian Pelajaran Malaysia*

ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah dan juga melihat tahap efikasi pengurusan kewangan Guru Besar. Di samping itu, kajian juga ingin meninjau sama ada terdapatnya perbezaan penglibatan dan efikasi antara Guru Besar yang pernah berkursus kewangan kelolaan IAB dengan mereka yang belum lagi hadir. Seramai 67 orang Guru Besar daripada Zon Utara yang dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini. Instrumen **Keterlibatan Guru Besar dalam Pengurusan Kewangan Sekolah (Sazali, 2006)** dan **Efikasi Pengurusan Kewangan Sekolah (Sazali, 2007)** digunakan bagi mengukur keterlibatan dan efikasi Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah. Statistik min dan sisihan piawai digunakan bagi mengukur keterlibatan dan efikasi guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah. Manakala statistik Anova sehala digunakan untuk menguji perbezaan min antara Guru Besar yang pernah hadir berkursus dan yang belum lagi hadir kursus dari aspek keterlibatan dan efikasi pengurusan kewangan. Hasil kajian menunjukkan 26.9 % Guru Besar melibatkan diri secara minimum dalam pengurusan kewangan sekolah, manakala selebihnya (73.1 %) melibatkan diri mereka sepenuhnya. Kajian juga mendapati 49.3 % Guru Besar mempunyai efikasi pengurusan kewangan pada tahap sederhana dan rendah, dan selebihnya (51.7 %) mempunyai tahap efikasi yang tinggi. Ujian Anova sehala mendapati tidak dapat perbezaan min yang signifikan antara Guru Besar yang pernah hadir kursus dengan guru besar yang belum hadir daripada aspek penglibatan mereka dalam pengurusan kewangan sekolah ($F = 2.589, p = .061$). Namun kajian mendapati perbezaan min efikasi pengurusan kewangan yang signifikan antara guru besar yang pernah hadir kursus dengan mereka yang belum hadir kursus ($F = 5.660, p = .002$).*



PENGENALAN

Satu daripada tugas utama Guru Besar ialah mengurus kewangan sekolah (Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia, 2004). Guru besar bertanggungjawab sepenuhnya bagi menentukan pengurusan kewangan sekolah berjalan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan kerajaan. Oleh itu, pengetahuan dalam semua aspek pengurusan kewangan mestilah dikuasai Guru Besar bagi membolehkan mereka membuat perancangan kewangan disamping menyelia kerja-kerja perkeranian dengan berkesan (Zaidatul, 2001). Guru besar sebagai seorang pegawai pengawal atau orang yang diwakilkan kuasa wajib memastikan urusan kewangan sentiasa dalam keadaan sempurna (Akta Prosedur Kewangan, 1957; Arahan Perbendaharaan, 1997). Guru Besar tidak boleh menggunakan alasan tidak tahu peraturan ataupun arahan untuk mengelak daripada dikenakan tindakan jika terdapatnya ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan dan undang-undang dalam melaksanakan tugasnya (Arahan Perbendaharaan, 1997).

Salah satu punca kelemahan pengurusan kewangan yang kerap dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara adalah kurangnya penglibatan pihak pengurusan dalam hal-hal kewangan dan akaun (Sharil, 2006). Ini menyebabkan kurangnya penyeliaan dan pengawasan ke atas pegawai dan kakitangan yang berurusan terus dengan pelbagai transaksi dan perolehan. Kurangnya penglibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan kemungkinan disebabkan mereka kekurangan ilmu pengetahuan kerana kebanyakan Guru Besar hanya menerima latihan formal pengurusan kewangan setelah mereka dilantik menjadi Guru Besar. Namun terdapat juga Guru Besar yang belum lagi hadir sebarang kursus pengurusan kewangan secara formal daripada Institut Aminuddin Baki, institusi yang bertanggung jawab bagi melatih Guru Besar dalam hal-hal pengurusan dan kepimpinan sekolah, walaupun mereka telah lama dilantik. Oleh kerana itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana kesan latihan pengurusan kewangan kelolaan IAB terhadap perubahan amalan Guru Besar khususnya daripada aspek penglibatan mereka dalam pengurusan kewangan sekolah. Di samping itu, kajian juga ingin meninjau tahap efikasi pengurusan kewangan Guru Besar. Keterlibatan dan efikasi merupakan dua elemen penting bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah berjalan dengan cekap dan



berkesan kerana kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah indikator-indikator yang menunjukkan seseorang Guru Besar itu mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk menerajui sekolah.

Keterlibatan

Keterlibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan merujuk kepada kesungguhan dan komitmen mereka dalam mengurus kewangan sekolah secara telus, berintegriti dan bertanggungjawab dengan melibatkan diri dalam setiap aspek dan peringkat pengurusan kewangan sekolah. Guru Besar yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kompetensi tinggi dalam pengurusan kewangan seharusnya mampu memantau dan menyelia setiap aspek dan peringkat pengurusan kewangan sekolah.

Efikasi

Bandura (1986, 1993, 1997) telah mendefinisikan efikasi-kendiri sebagai ‘...pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan’. Oleh itu, dalam kajian ini ‘efikasi pengurusan kewangan’ Guru Besar merujuk kepada pertimbangan keyakinan Guru Besar bagi mengurus, mentadbir, dan menangani pelbagai isu dan masalah yang timbul dalam hal-hal pengurusan kewangan sekolah dengan jayanya. Guru Besar yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman seharusnya memiliki ‘efikasi pengurusan kewangan’ yang tinggi bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah terlaksana dengan teratur serta mengikut undang-undang.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan:


- i. meninjau tahap penglibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah
- ii. mengukur tahap efikasi pengurusan kewangan sekolah Guru Besar
- iii. menentukan perbezaan penglibatan dan efikasi antara Guru Besar yang pernah hadir kursus pengurusan kewangan dengan yang belum hadir.



KERANGKA KAJIAN

Kerangka kajian adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1 : Kerangka Kajian



KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan pendekatan tinjauan. Kajian telah dijalankan di sekolah-sekolah zon utara Semenanjung Malaysia kerana kursus-kursus yang dijalankan oleh IAB Cawangan Utara hanya melibatkan lima negeri Zon Utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan. Penyelidik telah mentadbirkan soal selidik di setiap sekolah yang terlibat dan memungutnya semula pada hari yang sama. Ini bagi memastikan Guru Besar faham hasrat kajian ini dan penyelidik berpeluang untuk menerangkan item-item soal-selidik yang berkemungkinan 'kabur' bagi Guru Besar. Di samping itu, teknik juga dapat memastikan semua soal selidik yang ditadbirkan dapat dikembalikan. Masa untuk memberi respons kepada soal selidik ini adalah lebih kurang 10 minit.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Keterlibatan Guru Besar dalam Pengurusan Kewangan, KGBPK (Sazali, 2006) dan Efikasi Pengurusan Kewangan Sekolah, EPKS (Sazali, 2007). Pembinaan instrumen KGBPK adalah berasaskan kepada inventori pemeriksaan sekolah oleh Jabatan Audit dan perbincangan dengan pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai latihan kewangan IAB. Di samping itu, pandangan tiga orang pengetua juga diambil kira bagi memastikan instrumen mempunyai kesahan kandungan yang mencukupi. Kebolehpercayaan instrumen KGBPK dengan menggunakan statistik Cronbach Alpha didapati tinggi iaitu 0.899. Instrumen EPKS pula adalah adaptasi daripada instrumen Skala Efikasi Pengurusan Sekolah Rendah, SEPSeR (Sazali, Zurida, & Mustapa, 2004). Instrumen SEPSeR mempunyai kesahan konstruk dan kandungan yang baik manakala kebolehpercayaan instrumen EPKS didapati tinggi iaitu 0.900. Instrumen KGBPK adalah jenis Likert dengan empat mata respons dan mempunyai 10 item. Instrumen EPKS juga adalah jenis Likert dengan enam mata respons dan mempunyai lima item. Mata rendah bermaksud keterlibatan yang minimum bagi KGBPK dan efikasi rendah bagi EPKS.



DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif

Jadual 1 menunjukkan profil Guru Besar yang memberi respons dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Guru Besar dan Sekolah Kajian (N = 67)

Bil	Faktor demografi	n	%
1	Jantina : Lelaki	30	44.8
	Perempuan	37	55.2
2	Umur : 40 – 45 th	4	6.0
	46 – 50 th	21	31.3
	> 51 th	42	62.7
3	Bangsa : Melayu	53	79.1
	Cina	9	13.4
	India	4	6.0
	Lain-lain	1	1.5
4	Jenis sekolah : SK	55	82.1
	SJKC	8	11.9
	SJKT	4	6.0
5	Enrolmen murid : < 200 murid	15	22.4
	200 – 500	18	26.9
	501 – 1000	27	40.3
	> 1000	7	10.4
6	Kelayakan akademik tertinggi : SPM/MCE	18	26.9
	STPM/HSC	27	40.3
	Dip. Sains	9	13.4
	Ijazah Pertama	12	17.9
	Ijazah Sarjana	1	1.5
7	Tempoh di sekolah sekarang : < 2 th	33	49.3
	2 - 3 th	18	26.9
	4 - 5 th	10	14.9
	> 6 th	36	9.0

8	Pengalaman sebagai Guru Besar :	< 2 th	10	14.9
		2 – 3 th	8	11.9
		4 – 6 th	15	22.4
		7 – 9 th	13	19.4
		> 10 th	21	31.3
9	Kehadiran kursus KPKS :	Pernah	50	80.6
		Tak pernah	13	19.4
10	Kehadiran kursus Kewangan :	Pernah	42	62.7
		Tak Pernah	25	37.3
11	Sijil NPQH :	Ada	9	13.4
		Tiada	58	86.6

Didapati 55.2 % responden adalah terdiri daripada lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Majoriti Guru Besar berumur lebih 50 tahun (62.7 %) menunjukkan Guru Besar dalam kajian adalah berada pada penghujung kerjaya. Guru Besar Melayu merangkumi 79.1 % responden dan selebihnya ialah Cina (13.4 %), India (6.0 %) dan lain-lain bangsa (1.5 %). Didapati 40.3 % sekolah mempunyai enrolmen murid diantara 501 hingga 1000 orang, manakala 10.4 % mempunyai enrolmen murid melebihi 1000 orang. Data menunjukkan 19.4 % Guru Besar berkelulusan universiti dan selebihnya bukan pemegang ijazah. Hampir separuh daripada responden berkhidmat kurang daripada dua tahun di sekolah yang sedang diterajui. Manakala 14.9 % Guru Besar pula memegang jawatan Guru Besar kurang daripada dua tahun. 31.3 % Guru Besar mempunyai pengalaman sebagai Guru Besar lebih daripada 10 tahun.

Bagi bilangan 9, 10 dan 11 dalam Jadual 1 merujuk kepada kehadiran guru besar dalam kursus-kursus yang dikelolakan oleh IAB. Ketiga-tiga kursus tersebut iaitu Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah, Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah dan program *National Professional Qualification for Headship*, NPQH mempunyai komponen pengurusan kewangan sekolah yang melibatkan masa antara 18 hingga 30 jam kuliah. Oleh itu, kajian ini membuat andaian sekiranya didapati Guru Besar telah hadir sekurang-kurangnya satu daripada mana-mana tiga kursus di atas, maka mereka dianggap sudahpun menerima latihan pengurusan kewangan sekolah. Didapati 80.6 % Guru Besar pernah menghadiri Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah, 62.7 % pernah hadir Kursus



Pengurusan Kewangan Sekolah, dan 13.4 % mempunyai sijil NPQH. Jadual 2 menunjukkan pecahan bilangan guru besar yang pernah hadir dalam kursus-kursus yang ditawarkan di atas.

Jadual 2 : Kehadiran Guru Besar dalam Kursus

Kehadiran	Bilangan	Peratus, %
Ketiga-tiga kursus	8	11.9
Dua daripada tiga kursus	30	44.8
Satu daripada tiga kursus	21	31.3
Tidak pernah hadir	8	11.9

Dalam Jadual 2 di atas, didapati 11.9 % Guru Besar telah hadir dalam ketiga-tiga kursus tersebut, manakala 44.8 % lagi telah hadir sekurang-kurangnya dua daripada tiga kursus yang ditawarkan. Peratus Guru Besar yang hadir hanya satu daripada tiga kursus ialah 31.3 %, manakala 11.9 % Guru Besar belum lagi menerima sebarang latihan pengurusan kewangan sekolah secara formal anjuran IAB. Data dalam Jadual 2 digunakan untuk membuat analisis inferensi bagi mengenal pasti hubungan antara kehadiran kursus kewangan sekolah dengan keterlibatan dan efikasi pengurusan kewangan Guru Besar.

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai keterlibatan dan efikasi pengurusan kewangan, dan peratusan Guru Besar yang mengamalkan keterlibatan dalam pengurusan kewangan dan tahap efikasi pengurusan kewangan mereka.

Jadual 3 : Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Guru Besar.

	Min	Sisihan Piawai	Peratusan guru besar	
			Sedikit/ Sederhana & Rendah	Banyak Tinggi
Keterlibatan	3.245	0.541	26.9	73.1
Efikasi	3.702	0.949	49.3	51.7

Daripada Jadual 3, didapati 18 orang Guru Besar (26.9 %) melibatkan diri pada aras sedikit sahaja dalam pengurusan kewangan sekolah, manakala selebihnya (73.1 %) melibatkan diri mereka secara aktif. Min dan sisihan piawai keterlibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan adalah 3.245 dan 0.541 masing-masing. Ini menunjukkan amalan penglibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah agak baik dan sebarannya pula tidak jauh daripada min keterlibatan.

Jadual 3 menunjukkan 33 orang Guru Besar (49.3 %) mempunyai efikasi pengurusan kewangan pada tahap sederhana dan rendah, dan selebihnya (51.7 %) mempunyai tahap efikasi yang tinggi. Min bagi efikasi pengurusan kewangan ialah 3.702 dan sisihan piawainya ialah 0.949. Didapati min efikasi pengurusan kewangan berada di bawah tahap 'yakin' dengan skor 4 yang bermaksud secara puratanya Guru Besar dalam kajian berada pada tahap efikasi sederhana dan rendah. Serakan efikasi pengurusan kewangan Guru Besar juga agak besar yang bermaksud ada dikalangan Guru Besar yang mempunyai efikasi sangat tinggi dan ada juga Guru Besar yang mempunyai tahap efikasi yang sangat rendah.

Analisis Inferensi

Ujian Anova sehala mendapati tidak dapat perbezaan min yang signifikan antara Guru Besar yang pernah hadir kursus dengan guru besar yang belum hadir daripada aspek penglibatan mereka dalam pengurusan kewangan sekolah ($F = 2.589, p = .061$). Ini bermaksud penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah tidak ada perkaitan dengan kehadiran mereka dalam mana-mana tiga kursus yang dinyatakan di atas.

Namun kajian mendapati perbezaan min 'efikasi pengurusan kewangan' yang signifikan antara Guru Besar yang pernah hadir kursus dengan mereka yang belum hadir kursus ($F = 5.660, p = .002$). Daripada ujian *Post Hoc Scheffe*, didapati mereka yang pernah hadir ketiga-tiga kursus mempunyai perbezaan min efikasi yang signifikan dengan mereka yang belum hadir. Juga mereka yang pernah hadir mana-mana dua kursus di atas mempunyai perbezaan efikasi min yang signifikan dengan Guru Besar yang belum hadir. Namun, tidak dapat perbezaan min efikasi yang signifikan antara Guru Besar yang pernah hadir mana-mana satu kursus sahaja dengan Guru Besar yang belum hadir.



PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Penglibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah sangat penting bagi memastikan pengurusan kewangan berjalan mengikut peraturan dan undang-undang yang digubal untuknya. Keterlibatan Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah mempunyai perkaitan dengan ilmu yang mereka miliki dan sikap bertanggungjawab terhadap semua aspek pengurusan kewangan sekolah. Oleh kerana itu, Guru Besar seharusnya memiliki ilmu pengetahuan dalam pengurusan kewangan sekolah bagi membolehkan mereka memantau dan menyelia setiap aspek dan peringkat pengurusan kewangan sekolah. Didapati 26.9 % Guru Besar dalam kajian melibatkan diri secara sedikit sahaja dalam pengurusan kewangan sekolah menunjukkan suatu angka yang agak membimbangkan. Seharusnya semua guru besar mesti melibatkan diri mereka secara aktif dalam setiap aspek dan peringkat pengurusan kewangan sekolah bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan sekolah. Kemungkinan perkara ini berlaku kerana Guru Besar telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada pembantu tabdir dalam menjalankan aktiviti pengurusan kewangan dan mereka hanya melihat dari jauh dan menurunkan tanda tangan apabila perlu. Situasi seperti tidak seharusnya berlaku kerana sebarang kesilapan yang dilakukan oleh staf di bawah seliaan Guru Besar akan menjadi tanggungjawab Guru Besar untuk memberi jawapan kepada pihak-pihak tertentu.

Hampir separuh Guru Besar dalam kajian (49.3 %) mempunyai tahap 'efikasi pengurusan kewangan' pada tahap sederhana dan rendah. Peratusan ini menunjukkan suatu angka yang membimbangkan kerana jika guru besar sendiri tidak yakin atau kurang yakin dalam mengurus kewangan sekolah, mereka akan terdedah kepada manipulasi daripada pelbagai pihak sama ada dari dalam sekolah sendiri atau pembekal-pembekal yang berurusan dengan sekolah. Seharusnya Guru Besar mesti mempunyai efikasi pada tahap tinggi dalam mengurus kewangan sekolah kerana dengan itu mereka dapat mengelak daripada perkara-perkara yang boleh menjurus kepada kesilapan atau penyelewangan. Untuk mencapai tahap efikasi pengurusan kewangan yang tinggi seharusnya Guru Besar mesti belajar sama ada secara formal atau bukan formal.


Didapati daripada kajian ini tidak dapat perbezaan yang signifikan antara Guru Besar yang hadir dengan yang belum hadir kursus dari segi penglibatan mereka dalam pengurusan kewangan sekolah. Kemungkinan ini berlaku adalah kerana Guru Besar yang belum hadir kursus ingin belajar aspek-aspek pengurusan kewangan sekolah. Justeru mereka kelihatan mendampingi pembantu tadbir atau orang-orang tertentu yang mengurus hal ehwal kewangan sekolah dan seolah-olah ini membawa maksud mereka secara tidak langsung melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan kewangan sekolah.

Namun terdapat min 'efikasi pengurusan kewangan' yang signifikan antara Guru Besar yang pernah hadir kursus dengan yang belum hadir. Ini menunjukkan bahawa guru besar yang telah hadir kursus dapat meningkatkan pengetahuan mereka dalam pengurusan kewangan dan akhirnya meningkatkan 'efikasi pengurusan kewangan'. Perbezaan yang signifikan hanya wujud antara Guru Besar yang telah hadir sekurang-kurangnya dua daripada tiga kursus yang dinyatakan di atas dengan mereka yang belum hadir. Tetapi jika Guru Besar hanya hadir satu daripada tiga kursus, maka tidak dapat perbezaan yang signifikan antara yang hadir dan tidak hadir. Ini mungkin disebabkan tempoh masa kuliah pengurusan kewangan tidak mencukupi jika mereka hanya hadir satu kursus sahaja.

Kirkpatrick, 1967 telah menentukan empat peringkat dalam membuat sesuatu penilaian program atau kursus iaitu peringkat tindak balas (*reaction*), pembelajaran (*learning*), perubahan tingkah laku (*behavioral change*), dan impak (*impact/outcomes*). Daripada empat peringkat tersebut, sesuatu kursus itu boleh disimpulkan sama ada ia benar-benar memberi kesan kepada para peserta yang mengikutinya. Bagi kursus-kursus anjuran IAB, penilaian dalam dua peringkat pertama kerap kali diadakan iaitu, peringkat 'tindak balas' dan 'pembelajaran'. Di peringkat 'tindak balas', para peserta kursus dikehendaki memberi maklum balas mengenai objektif, kandungan, penyampaian dan bahan-bahan kursus yang disampaikan. Secara umumnya, para peserta memberi respons yang sangat baik pada peringkat 'tindak balas' dan ini bermaksud kursus adalah berkesan pada peringkat ini.



Rajah 2 : Model Kirkpatrick (1967) – Penilaian Program



Pada peringkat ‘pembelajaran’ iaitu para peserta diuji dengan ujian bertulis atau aneka pilihan untuk menentukan sejauh mana mereka telah belajar berkaitan dengan kandungan kursus. Dalam konteks itu, hanya kursus ‘Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah’ (KPKS), dan Program NPQH sahaja yang memberi ujian yang mana soalan-soalan komponen pengurusan kewangan dicantumkan dengan semua komponen di dalam satu ujian. Oleh itu, agak sukar untuk menentukan sama ada peserta lulus atau tidak bagi komponen pengurusan kewangan kerana keputusan adalah berdasarkan kepada keseluruhan ujian. Setakat ini, semua peserta KPKS dan NPQH lulus dalam ujian tersebut. Bagi kursus ‘Pengurusan Kewangan Sekolah’ pula, ujian akhir tidak diberikan kepada peserta kursus. Oleh itu, keberkesanan kursus peringkat ‘pembelajaran’ tidak dapat dikenal pasti atau ditentukan.

Kajian ini pula merupakan suatu penilaian keberkesanan program atau kursus di peringkat tiga iaitu ‘perubahan tingkah laku’. Didapati perubahan tingkah laku ‘penglibatan’ Guru Besar dalam pengurusan kewangan sekolah tidak begitu ketara jika dibandingkan dengan guru besar yang tidak hadir kursus. Namun terdapat perubahan yang signifikan dari aspek ‘efikasi pengurusan kewangan’ antara Guru Besar yang pernah hadir dan yang belum hadir.

Kajian impak kursus merupakan peringkat ke empat model Kirkpatrick, 1967 yang mana di peringkat ini penilaian dibuat berdasarkan kepada ‘outcomes’ kursus seperti dari aspek penjimatan kos dalam pengurusan kewangan, bilangan kesilapan atau penyelewangan yang berlaku, bilangan sekolah berstatus audit berteguran, dan pelbagai ‘outcomes’ yang difikirkan ada kesan langsung daripada kursus. Kajian pada peringkat ini memerlukan masa dan kepakaran tertentu bagi menentukan keberkesanan sesuatu kursus.



KESIMPULAN

Pengurusan kewangan sekolah merupakan elemen terpenting bagi mengurus sesebuah sekolah dengan lebih berkesan. Kerajaan akan rugi jutaan ringgit sekiranya pengurus-pengurus sekolah kurang upaya dalam mengurus kewangan sekolah dengan cekap dan berkesan. Lantaran itu seharusnya pengurus-pengurus sekolah mesti diberi pendedahan yang secukupnya dalam aspek-aspek pengurusan kewangan sekolah bagi memastikan kelangsungan dasar-dasar kerajaan dapat direalisasikan. Oleh itu, dapatan kajian ini menyokong supaya pengurus-pengurus sekolah mesti didedahkan kepada kursus pengurusan kewangan sekolah sebaik sahaja mereka dilantik kerana kehadiran mereka dalam kursus dapat meningkatkan efikasi pengurusan kewangan mereka.

CADANGAN

Kajian ini ingin mencadangkan kepada IAB atau pihak-pihak tertentu supaya melihat semula jumlah jam kuliah slot kewangan kerana kajian ini menunjukkan '*contact hours*' mempunyai perkaitan dengan peningkatan efikasi, iaitu berkaitan juga dengan ilmu dan kompetensi para peserta kursus.

Di samping itu, kajian ini berpendapat para penyelidik perlu diberi pendedahan kepada latihan berkaitan dengan kajian impak sesuatu program atau kursus. Ini akan dapat meningkatkan kepakaran dan kemahiran penyelidik bagi melakukan kajian impak program bagi keseluruhan kursus kewangan sekolah bagi seluruh negara. Ini penting kerana maklumat yang diperolehi daripada kajian pada peringkat nasional akan dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang status pengurusan kewangan sekolah.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pn. Rajilah bt. Ahmad, Pn. Salmah bt. Osman, Pn. Sharifah Asyiekin bt Syed Ibrahim, Pn. Sharifah Sazliha bt. Sulaiman dan Pn. Nor Syuhada bt. Din kerana telah memberi sumbangan bagi melaksanakan kajian ini.



RUJUKAN

- Bandura, A., (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, N J.
- Bandura, A., (1993). Perceived Self-Efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational Psychologist*. 28. 2:117-148.
- Bandura, A., (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. W.H. Freeman. New York.
- Kirkpatrick, D. L., (1967). Evaluation of Training. In Craig, R. L. & Bittel, L. R. (eds) *Training and Development Handboook*. New York : McGraw-Hill.
- Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia, (2004). Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Shahril @ Charil Marzuki, (2006). *Mengurus Kewangan Sekolah Edisi 2*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sazali, Y., Zurida, I., & Mustapa, K., (2004). Pengaruh Efikasi-kendiri dan kecerdasan emosi guru besar terhadap efikasi kolektif guru dan iklim sekolah. Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Zaidatul Aklamiah Lope Pihie, (2001). *Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.